

19 jam kumpul diesel

Putrajaya

Sanggup bekerja 19 jam tanpa henti semata-mata bagi memastikan pihak sindiket dapat mengumpul sebanyak mungkin diesel subsidi yang 'dikutip' daripada beberapa stesen minyak.

Itu modus operandi konco sindiket penyelewengan diesel subsidi yang dikesan memulakan tugas seawal jam 10 pagi hingga 5 pagi keesokan harinya.

Mereka dikesan menggunakan lori tangki yang diubah suai untuk membeli sebanyak mungkin diesel subsidi dari beberapa stesen minyak sebelum dipindahkan di stor rahsia.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) Putrajaya Shamsul Nizam Khalil berkata, kegiatan itu berjaya ditumpaskan susulan serbuan pihaknya di sebuah stor haram di Bandar Seri Kesuma, Semenyih, Selangor kelma-

Konco sindiket beli bahan api subsidi di beberapa lokasi bermula jam 10 pagi



an semasa risikan dilakukan, kami mendapati lori yang ditahan itu digunakan untuk membeli diesel dari beberapa stesen minyak di kawasan Kajang dan Semenyih.

"Diesel itu kemudian dibawa ke stor tanpa lesen berkenaan untuk dipindahkan.

"Susulan itu, KPDNHEP menyita semua diesel, lori tangki, invoice, resit belian diesel berserta dokumen perniagaan lain yang di lokasi sama," katanya.

Menurutnya, nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM165,000.

"Dua lelaki warga tempatan berumur 19 dan 32

Lembah Klang supaya mematuhi perundangan.

"Mana-mana individu yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah AKB 1961. Jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM1,000,000 manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3,000,000 bagi orang perseorangan atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Syarikat yang terbabit pula boleh didenda tidak melebihi RM2,000,000 manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5,000,000," katanya.

Selain itu, siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLAT'FPUAA 2001) (Akta 613) iaitu kesalahan pengambilan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku,

menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan minyak diesel.

"Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi," katanya.



ANTARA tong digunakan untuk menyimpan diesel subsidi yang dibeli secara haram di sebuah stor di Semenyih.

rin. Menurutnya, serbuan dilakukan sepasukan anggota penguat kuasa KPDNHEP Putrajaya hasil risikan dilakukan Seksyen Perisikan KPDNHEP sejak beberapa minggu lalu.

"Hasil pemeriksaan di stor haram berkenaan, kami menemui sembilan unit tangki mengandungi diesel yang dianggarkan berjumlah 9,000 liter. Semua diesel itu disimpan tanpa lesen atau permit sah KPDNHEP.

"Berdasarkan pemerhati-

tan ditahan pihak KPDNHEP. Mereka mengaku berperanan sebagai pemandu lori dan pekerja di stor berkenaan.

"Kertas siasatan dibuka dan siasatan lanjut dilakukan mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenal pasti individu serta syarikat lain yang mungkin terbabit dalam kes ini.

"KPDNHEP memberi amaran keras terhadap mana-mana individu, syarikat atau pengusaha stesen minyak khususnya di kawasan



ANGGOTA KPDNHEP memeriksa lori yang diubah suai untuk mengumpul diesel.

Anggota JPJ nafi terima RM8,500 daripada tauke lori

Melaka: Seorang Pembantu Penguat kuasa Kanan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam, atas 12 pertuduhan menerima rasuah secara bulanan berjumlah RM8,500.

Suapan itu diterimanya bagi melindungi syarikat pengangkutan lori daripada diambil tindakan undang-undang antara April 2020 hingga Mac 2021.

Tertuduh, Ahmad Jamil Md Saru, 40, bagaimanapun tidak mengaku bersalah dan meminta supaya dibicarakan selepas dibacakan semua pertuduhan pada prosiding didengar Hakim Eleasabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ke 10, dia

didakwa memperoleh suapan bulanan RM500 tanpa balasan daripada Pengurus Syarikat Sivan Sakthi Maju Enterprise, N PP Vijayan dengan mengetahui syarikat itu mempunyai hubungan dengan kerja rasminya.

Tertuduh didakwa melakukan semua kesalahan itu di Maybank Merlimau, Jasin pada 28 April, 9 Jun, 9 Julai, 17 Ogos, 11 Oktober, 12 November dan 15 Disember 2020 serta pada 11 Januari, 15 Februari dan 3 Mac 2021.

Seks-

itu memperuntukkan hukuman penjara hingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali bagi setiap pertuduhan.

Dua pertuduhan turut dibiarkan ke atas tertuduh me-

ngikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 bagi dakwaan memperoleh suapan berjumlah RM3,500 melalui pindahan wang.

Tertuduh didakwa menerima suapan itu antara 28 April 2020 hing-

ga 12 November 2020 dan antara 11 Januari hingga 12 Mac 2021 di Maybank Cawangan Melaka Raya di sini, sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas lori syarikat itu mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Kesalahan bagi Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi jika sabit kesalahan, bagi setiap pertuduhan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Irwan Shah Abdul Samat yang menjalankan pendakwaan mencajarkan jaminan

RM4,500 bagi semua pertuduhan serta syarat tambahan melapor diri di Pejabat SPRM setiap bulan dan passport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bela memohon jaminan rendah kerana mempunyai tanggungan isteri dan dua anak termasuk seorang daripadanya orang kurang upaya (OKU).

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,500 dengan seorang penjamin serta diperintah melaporkan diri setiap bulan di pejabat SPRM sehingga perbicaraan selesai.

Kes akan disebut semula pada 15 September depan bagi serahan dokumen dan lantikan peguam.



AHMAD Jamil (depan) dikawal pegawai SPRM ketika dibawa ke kaunter untuk membayar ikat jamin.